

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
[ARAU]**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah tindakan yang akan dilakukan oleh Kementerian jika isu kenaikan bil elektrik secara mendadak akan berlaku lagi di masa hadapan dan apakah jaminan yang akan diberikan jika kenaikan kadar tarif elektrik akan membebankan lagi rakyat disebabkan oleh kos sara hidup yang tinggi kesan daripada pelaksanaan SST.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kejadian bil elektrik tinggi yang dialami oleh sebilangan pengguna-pengguna Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam tempoh 15 hingga 20 Mei 2019 adalah disebabkan oleh gangguan teknikal terhadap sistem pengebilan *Billing and Customer Relation Management* (BCRM) TNB di mana TNB tidak dapat mengeluarkan bil elektrik dan menyebabkan tempoh pengebilan pengguna adalah lebih panjang daripada biasa.
2. Bagi menjamin supaya isu yang sama tidak berulang pada masa hadapan, Kementerian melalui ST telah mengarahkan TNB untuk memastikan pangkalan data (*data centre*) sedia ada dinaikkan taraf bagi meningkatkan keupayaan sokongan dan penyimpanan maklumat (*data storage*) kepada sistem BCRM.

3. Pihak Suruhanjaya Tenaga (ST) juga telah mengambil beberapa tindakan terhadap TNB seperti berikut :

- i. mengeluarkan notis peringatan supaya TNB memberi perhatian serius dan mengambil tindakan penyelesaian segera berkaitan aduan bil elektrik yang tinggi serta melaporkannya kepada ST;
- ii. menjalankan siasatan terhadap punca berlakunya peningkatan bil elektrik pengguna dengan mengadakan audit BCRM dan telah mengambil tindakan pemulihan sistem; dan
- iii. menyediakan sebanyak 24 kertas siasatan yang telah pun dikemukakan kepada AGC untuk pertimbangan tindakan kompaun terhadap TNB.

4. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, aduan pengguna ke atas TNB sentiasa boleh dirujuk kepada pihak ST melalui laman web aduan.st.gov.my, emel eaduan@st.gov.my dan telefon 03-8870 8800.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

5. Berdasarkan penetapan tarif sedia ada, sebarang perubahan kos bahan api akan dilepaskan melalui pelarasan tarif yang dilaksanakan setiap enam bulan di bawah mekanisme *Imbalance Cost Pass Through* (ICPT), dengan izin, sama ada dalam bentuk surcaj atau rebat bergantung kepada kos bahan api dalam tempoh tersebut.

6. Bagi mengurangkan beban rakyat serta pihak komersial dan industri, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk mengurangkan kos yang perlu dilepaskan kepada pengguna.

7. Pertama, Kementerian melalui Suruhanjaya Tenaga telah membuat pelarasan ke atas hasil dan kos elektrik pada tahun 2018 dan 2019 di bawah IBR berdasarkan peruntukan *Regulatory Implementation Guidelines* (RIGs) dan berjaya mendapatkan **jumlah penjimatan sebanyak RM336.70 juta.**

8. Kedua, Kabinet juga telah meluluskan untuk menyumbang subsidi kepada tarif elektrik melalui **peruntukkan dana daripada Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) sebanyak RM 107.16 juta.**

9. Hasilnya, pengguna elektrik tidak mengalami sebarang kenaikan tarif elektrik sehingga Disember 2019 walaupun terdapat peningkatan yang tinggi dalam kos penjanaan. Selain itu, Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) pula hanya dikenakan ke atas penggunaan elektrik oleh pengguna domestik yang melebihi 600kWj sebulan (bil bersamaan RM231.80 dan ke atas sahaja). Bagi pengguna domestik yang menggunakan elektrik kurang dari 600kWj sebulan, tiada caj SST dikenakan kepada mereka.

Sekian, terima kasih.